

29 AUG 1997

MIA SAMBUT BAIK LANGKAH TERBARU MENGENAI URUS NIAGA SAHAM

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Persatuan Pelabur Malaysia (MIA) hari ini memuji kerajaan kerana menguat kuasakan langkah-langkah ketat untuk menyekat dana asing daripada menjatuhkan pasaran saham tempatan melalui jualan singkat bersifat manipulatif.

Persatuan itu berkata ia menghargai seruan Perdana Menteri kepada institusi-institusi kewangan kerajaan dan pelabur-pelabur tempatan supaya menyokong pasaran saham itu.

"Kami menyambut baik langkah-langka terbaru untuk mengekang arah aliran menurun memandangkan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur telah kerugian lebih daripada 499.54 mata atau 39.1 peratus daripada 1,277 mata seperti pada Feb tahun ini kepada 777.46 paras paling rendah harian semalam," kata presiden MIA Dr PHS Lim dalam satu kenyataan hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan beberapa langkah, termasuk menyekat aktiviti pemberian pinjaman untuk mengelakkan manipulasi di pasaran saham.

Institusi-institusi tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Permodalan Nasional Bhd diminta membeli saham dalam usaha tersusun untuk menentang pembabit manipulasi yang cuba menggoncang ekonomi.

Untuk menyekat jualan singkat, BSKL memutuskan Rabu lalu supaya saham 100 kaunter komponen yang membentuk Indeks Komposit diisytiharkan sebagai saham ditanda, yang bermakna bahawa hanya mereka yang mempunyai saham yang sah di dalam akaun Sistem Depository Pusat akan membolehkan menjual saham.

Lim berkata MIA telah membantah langkah untuk membenarkan jualan singkat, sambil menambah bahawa persatuan itu merasakan bahawa langkah itu boleh disalah gunakan oleh institusi-institusi besar untuk memanipulasi pasaran.

"Pengurus-pengurus dana lindung nilai itu boleh meletakkan sehingga sebanyak AS\$100 juta atau lebih dalam syarikat-syarikat broker saham sebagai sandaran dan melaksanakan program aktiviti jualan singkat," katanya. -- BERNAMA

MFJ OS/sia